



Dr Fei Yam menunjukkan anugerah diterimanya ketika ditemui di USM, semalam. B/H 20/7/12 MS16.

Penyelidik USM raih anugerah saintis muda

Georgetown: Penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) mengharumkan nama negara dalam penyelidikan sains zoologi apabila meraih Anugerah Saintis Muda Alltech Asia Pasifik.

Dr Mun Fei Yam mendapat pengiktirafan berkenaan menerusi jurnal kajiannya mengenai penilaian tahap kesakitan tikus dengan menggunakan peralatan baru dikenali Meter Analgesic dan sistem pengambilan maklumat.

Jurnal itu dipilih sebagai dokumen penyelidikan terbaik selepas panel hakim Alltech menilai 6,900 penyertaan dihantar saintis seluruh dunia. Kemenangan melayakkan Dr Fei Yam membawa pulang hadiah RM33,000, pingat dan sijil pengiktirafan sebagai saintis menyumbang kepada pembangunan produk kesihatan haiwan.

Dr Fei Yam berkata, Meter Analgesic yang direkanya berupaya mengukur tahap kesakitan haiwan dengan lebih tepat pada kadar lebih murah berbanding kaedah sekarang.

“Alat digunakan penyelidik atau doktor haiwan kini dianggar bernilai RM200,000, tetapi Meter Analgesic hanya sekitar RM20,000. Bagaimanapun, ketepatan meter ini dalam menilai tahap kesakitan dialami haiwan lebih baik,” katanya pada sidang media, di sini semalam.